

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)**

TAJUK : INSENTIF PERKAHWINAN BELIA

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak bayaran Insentif Perkahwinan Belia telah dibayar dari tahun 2008 hingga tahun 2017 ?
- b) Berapakah pecahan mengikut kaum penerima Insentif Perkahwinan Belia ?

JAWAPAN:

Untuk makluman, YAWAS telah diberi tanggungjawab bagi menguruskan Program Insentif Perkahwinan Belia mulai Januari 2017 yang mana sebelum ini diuruskan oleh UPEN (SEKTORAL). Oleh yang demikian, berikut adalah data-data yang berjaya direkodkan oleh YAWAS (bermula tahun 2017).

- a) Jumlah bayaran Insentif Perkahwinan Belia bagi tahun 2017 adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERBELANJAAN	JUMLAH PERUNTUKAN
2017	11,640	RM5,820,000.00	RM6,000,000.00

- b) Jumlah bayaran Insentif Perkahwinan Belia bagi tahun 2017 mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

KAUM	PENERIMA	BAYARAN
MELAYU	2,884	RM1,442,000
CINA	681	RM340,500
INDIA	313	RM156,500
LAIN-LAIN	7,762	RM3,881,000
JUMLAH	11,640	RM5,820,000

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATUS PROJEK PENGGANTIAN PAIP AIR LAMA

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status semasa projek penggantian paip air lama di dalam DUN Hulu Kelang?

JAWAPAN:

- a) Program penggantian paip air lama di bawah pakej 1A di Taman Melawati DUN Hulu Kelang sepanjang 9 kilometer telahpun siap sepenuhnya pada bulan Oktober 2017.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : JANGKAAN PENGURANGAN TENAGA KERJA

103. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik jangkaan pengurangan tenaga kerja di Selangor kesan daripada Revolusi Perindustrian 4.0?

JAWAPAN:

- a) Merujuk kepada maklumbalas dari Jabatan Perangkaan Malaysia, tiada sebarang jangkaan (atau unjuran) berkenaan statistik pengurangan tenaga kerja di Selangor (atau Malaysia) kesan daripada Revolusi Perindustrian 4.0.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK PERBELANJAAN PERUNTUKAN MARRIS

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik projek-projek di bawah peruntukan MARRIS bagi DUN Hulu Kelang tahun 2018 setakat ini?

JAWAPAN:

- a) Semakan menerusi Sistem SMART MARRIS mendapati terdapat **sepuluh (10)** bilangan projek penyenggaraan jalan negeri yang sedang dirancang oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) khusus bagi Jalan Perbandaran di kawasan **Dewan Negeri Hulu Kelang** dengan anggaran kos **RM3,392,637.50** seperti berikut:-

Jadual Projek Penyenggaraan Jalan Negeri Di Kawasan Dewan Negeri Hulu Kelang Oleh MPAJ (Tahun 2018)

BIL.	SKOP KERJA	BIL PROJEK	ANGGARAN JABATAN (RM)
1.	Lampu Jalan	3	620,025.00
2.	Penyenggaraan Pokok	2	200,000.00
3.	Turapan Jalan	5	2,572,612.50
	JUMLAH	10	3,392,637.50

Sumber: Sistem SMART MARRIS (Setakat 19 Mac 2018)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PELAPORAN KEROSAKAN JALANRAYA MELALUI APLIKASI TALIAN
MUDAH ALIH**

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kaedah pelaporan kerosakan jalan melalui aplikasi talian mudah alih berkesan dan apakah statistik laporan dan tindakan yang diambil berdasarkan kaedah pelaporan ini?

JAWAPAN:

- a) Pada Januari 2017, pelaporan kerosakan jalan melalui Aplikasi Waze menggunakan telefon mudah alih pintar telah dimulakan dan terkini ianya memberikan kesan yang positif terutama kepada pihak-pihak penyelenggara jalan raya seperti Pihak Berkuasa Tempatan. Kaedah “crowd-sourcing” membolehkan orang awam berkolaborasi dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk pelaporan kerosakan jalan.

Sehingga 31 Disember 2017 lebih daripada 29,000 pelaporan berkaitan keadaan jalan berlubang di negeri Selangor telah diterima menerusi Aplikasi Waze. Penambahbaikan menerusi penggunaan Sistem ‘Intelligent Response Selangor’ (i-RS) didapati membantu meningkatkan kecekapan penyelesaian oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Secara puratanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menyelesaikan lebih daripada 75% pelaporan di dalam bulan yang diterima. Ini kerana terdapatnya beberapa situasi yang memerlukan penyelesaian jangka panjang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan yang berjaya menyelesaikan lebih daripada 85% pelaporan di dalam bulan yang diterima. Analisa menunjukkan bahawa terdapat ‘trend’ peningkatan prestasi di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PROGRAM PENGAJIAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI
BERKAITAN REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0**

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program pengajian di institusi pendidikan tinggi kerajaan yang mendedahkan pelajar dengan Revolusi Perindustrian 4.0?

JAWAPAN:

- a) Institusi Pengajian Tinggi memainkan peranan penting dalam membangunkan sumber tenaga manusia seiring dengan perkembangan terbaru Industri 4.0. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi telah mengambil langkah proaktif dalam melibatkan institut pengajian tinggi di Negeri Selangor khususnya di bawah Kerajaan Negeri Selangor untuk melatih golongan *Millennials* dalam bidang kemahiran teknikal.

Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) telah menjalankan program-program yang kurikulumnya berteraskan arus perubahan teknologi yang menjurus kepada perkembangan industri 4.0 seperti bidang kejuruteraan dan bidang Teknologi Maklumat.

Sejak 2015 Fakulti Sains Komputer di UNISEL telah mengadakan jalinan kerjasama dengan pihak industri melalui *Selangor Human Resource Development Centre* (SHRDC) dalam bidang *Big Data Analytics*, *Cloud Computing* dan Sistem Automasi Industri. Pada tahun 2016, fakulti kejuruteraan UNISEL telah melaksanakan program *Internet of Things* (IoT) serta mewujudkan konsep *Smart Classroom* di Unisel.

Usaha untuk memperkasakan sumber tenaga manusia melalui Institut Pengajian Tinggi ke arah industri 4.0 dipertingkatkan pada tahun 2018 dengan menyediakan sejumlah RM52 juta peruntukan bagi melatih golongan *Millennials* bagi mengikuti kursus kemahiran teknikal di institusi kemahiran terpilih seperti Kolej Antarabangsa Inpens dengan percuma berdasarkan kepada syarat-syarat ditetapkan. Program ini dikenali sebagai Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas *Smart Selangor* (IKTISASS). Selain itu, Kerajaan Negeri melalui program IKTISASS turut menawarkan program latihan *Smart Factory* dengan kerjasama SHRDC dengan tujuan mewujudkan graduan yang berupaya mengubah industri perkilangan di Selangor ke arah konsep "Kilang Pintar".

Oleh itu, peranan institut pengajian tinggi amatlah penting dalam memberi pendedahan kepada golongan muda dalam industri 4.0.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERSEDIAAN SEKTOR PERTANIAN DAN PERIKANAN MENGHADAPI
REVOLUSI PERINDUSTRIAN 4.0**

107. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk program dan inisiatif kerajaan bagi mendedahkan petani, pekebun kecil dan nelayan bagi menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 di dalam memajukan sektor pertanian dan perikanan di Selangor?

JAWAPAN:

a)

JAWAPAN TIDAK DITERIMA DARIPADA SEKSYEN SEKTORAL

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PERBELANJAAN FESTIVAL BAHASA DAN PERSURATAN MELAYU
SERANTAU 2017**

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah pecahan perbelanjaan mengikut acara bagi penganjuran Festival Bahasa dan Persuratan Melayu Serantau pada Disember 2017 yang lalu?

JAWAPAN:

- a) Festival Bahasa dan Persuratan Melayu Nusantara 2017 telah berlangsung selama empat (4) hari iaitu bermula dari 7 hingga 10 Disember 2017. Sepanjang tempoh festival berlangsung, sebanyak **dua puluh tujuh (27) acara** yang terdiri daripada program seperti panel, syarahan, bacaan puisi, tayangan filem, teater serta persembahan seni & lisan telah dilaksanakan. Acara-acara ini berlangsung secara serentak di **enam (6) lokasi** di sekitar Shah Alam dan Petaling Jaya.

Kos keseluruhan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi menjayakan program dan acara ini adalah sebanyak RM1.5 juta menggunakan peruntukan di bawah Jawatankuasa Tetap Kebudayaan. Kos keseluruhan ini termasuklah kos seperti produksi, pengurusan, pengangkutan & penginapan, persembahan, sewaan ruang & lokasi, promosi & pemasaran, percetakan, penerbitan dan sebagainya. Pecahan kos adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah (RM)
1.	Produksi	159,820.00
2.	Pengurusan	227,500.00
3.	Promosi & Pemasaran	168,500.00
4.	Pengangkutan & Penginapan	125,140.00
5.	Persembahan	59,500.00
6.	Perbelanjaan Runcit	117,240.00
7.	Ruang & Lokasi	24,929.94
8.	Teknikal & Makanan	89,928.00
9.	Wang Awasan	70,000.00
10.	Penerbitan (Buku)	36,000.00
11.	Percetakan (Buku)	212,000.00
12.	Pelancaran Antarabangsa	272,000.00
Jumlah Keseluruhan		1,562,557.94

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK USAHAWAN TRAK MAKANAN DAN USAHAWAN INTERNET

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik usahawan trak makanan serta usahawan internet di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor telah menggunakan Garis Panduan Trak Makanan Bergerak pada 9 Ogos 2016 di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Selangor. Maklumat terkini terdapat 139 trak bergerak yang dilesenkan di 33 lokasi di Negeri Selangor. Setakat ini MBPJ mempunyai rekod tertinggi pendaftaran peniaga trak bergerak iaitu sebanyak 45 peniaga di 15 lokasi perniagaan. Berikut merupakan perincian jumlah peniaga dan lokasi trak bergerak di PBT Negeri Selangor :

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Trak Yang Dilesenkan	Jumlah Lokasi
1.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	45	15
2.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	10	2
3.	Majlis Perbandaran Selayang	3	2
4.	Majlis Perbandaran Klang	13	1
5.	Majlis Bandaraya Shah Alam	12	3
6.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	7	3
7.	Majlis Perbandaran Sepang	13	1
8.	Majlis Perbandaran Kajang	27	3
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	3	2
10.	Majlis Daerah Hulu Selangor	6	1
11.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Tiada peniaga	
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada peniaga	
JUMLAH		139	33

Sumber : PBT Negeri Selangor

Di bawah *Selangor Information Technology and E-Commerce Council (SITEC)* yang diterajui oleh Y.B. Dato' Teng Chang Khim telah melaksanakan program *Online 100* yang merupakan platform pemasaran atas talian untuk usahawan Selangor. Platform ini dilancarkan pada tahun 2015 dan bertujuan untuk menjadikan Selangor sebagai hub perdagangan untuk e-commerce. Platform

ini merupakan himpunan daripada beberapa *e-marketplace*. Sasaran awal usahawan bagi program ini adalah sebanyak 100 usahawan untuk menyertai platform ini. Selepas program ini dijalankan jumlah jualan dari semua *e-marketplace* platform adalah meningkat daripada RM2.5 Juta pada tahun 2015 kepada 4.8 juta pada tahun 2017.

Sehingga Mac 2018 sebanyak 330 usahawan telah menyertai program *Online 100*. Tiga (3) kategori perniagaan utama pada platform ini adalah barangan bayi dan kanak-kanak sebanyak 16.59 %, diikuti dengan fesyen dan barangan rumah masing-masing sebanyak 16.05% dan 13.9%. Berikut merupakan perincian usahawan yang menyertai *Online 100* :-

Jenis Perniagaan	Pecahan (%)
Barangan bayi dan kanak-kanak	16.59%
Barangan rumah dan kehidupan	13.90%
Fesyen	16.05%
Barangan runcit	10.70%
Kesihatan dan kecantikan -	13.90%

Jenis Perniagaan	Pecahan (%)
Barangan sukan dan rekreasi	10.17%
Barangan Elektronik	10.14%
Buku, cerita, dan alatan tulis	6.42%
Perkhidmatan, kupon dan tiket	2.14%

Sumber : *Selangor Information Technology and E-Commerce Council*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : STATISTIK PROGRAM KITAR SEMULA MPAJ

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik penglibatan aktiviti kitar semula yang dijalankan oleh MPAJ bagi DUN Hulu Kelang?

JAWAPAN:

- a) Statistik penglibatan aktiviti kitar semula yang dijalankan oleh MPAJ bagi DUN Hulu Kelang adalah aktif, antara program yang dijalankan adalah seperti berikut;

i. PROGRAM KITAR SEMULA MINYAK MASAK TERPAKAI KEPADA BIODIESEL

Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai kepada Biodiesel telah dilaksanakan melibatkan aktiviti seperti taklimat dan pameran, penyerahan tong pengumpulan, membuat pengumpulan dan kutipan minyak masak terpakai serta penghantaran notis kutipan minyak masak terpakai melibatkan komuniti, persatuan penduduk, sekolah, surau dan masjid serta pemilik premis perniagaan terutamanya premis makanan. Statistik kutipan minyak masak terpakai yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

BIL	TAHUN	DUN HULU KELANG
1.	2015	914.00 L
2.	2016	4,000.00 L
3.	2017	20,776.45 L

ii. PROGRAM KOMPOSTING SISA MAKANAN

Inisiatif Program Pengkomposan Sisa Di Peringkat Sekolah melalui pendidikan dan kesedaran alam sekitar telah dilaksanakan bersama sekolah-sekolah di kawasan pentadbiran MPAJ dimana sebanyak 8 buah Pusat Kompos Sekolah telah diwujudkan pada tahun 2017, Berikut Pusat Kompos di DUN Hulu Kelang:

DUN HULU KELANG

1. Sek. Jenis Keb. (Tamil) Taman Melawati
2. Sek. Ren. Agama Islam Al-Amin, Taman Keramat

iii. SANGKAR KITAR SEMULA/ KEMPEN KITAR SEMULA/ PERLETAKKAN TONG KITAR SEMULA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

BIL	PROGRAM / PERKARA	LOKASI	TARIKH/ WAKTU KUTIPAN	JUM. KOMUNITI TERLIBAT
1.	Meletakkan sangkar kitar semula MPAJ	Kondominium Desaku, Kemensah	Hari Selasa setiap minggu	100 orang
		Jalan L1, Kemensah	Hari Selasa setiap minggu	Penduduk meletakkan barang kitar semula di lokasi sangkar yang disediakan
2.	Kempen Kitar Semula Dun Cempaka, Dun Hulu Kelang Dan Dun Bukit Antarabangsa	Kompleks Muhibbah, Taman Nirwana	15 Oktober 2017 (Ahad)	426 orang
3.	Perletakkan tong kitar semula Badan bukan kerajaan (NGO)	<ol style="list-style-type: none">1. Jalan Taman Melawati 4, Taman Melawati2. Jalan Utama, Taman Melawati (T13-KE)3. Jalan Utama, Taman Melawati (AM16A)4. Jalan A1, Taman Melawati5. S.J.K (T) Taman Melawati6. Jalan L1, Kemensah Height7. Jalan AU5, Taman Lembah Keramat (AM20)8. Jalan AU5, Taman Lembah Keramat (AM26)9. Jalan Utama AU5, Taman Lembah Keramat (Berhadapan Dewan Serbaguna MPAJ)	Dijalankan kutipan oleh Syarikat NGO yang dilantik (3x seminggu)	Penduduk meletakkan barang kitar semula di lokasi sangkar yang disediakan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : PRESTASI PENGERUSI PENGGERAK BELIA TEMPATAN DUN HULU
KELANG**

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi Pengerusi Penggerak Belia Tempatan di zon-zon di DUN Hulu Kelang bagi tahun 2017?

JAWAPAN:

- a) Zon di Dun Hulu Kelang terdiri daripada Zon 1,2,3 & 4

Zon1

Kurang aktif. Hal ini berikutan lantikan pengerusi baharu pada awal tahun disebabkan pengerusi lama telah berpindah ke Negeri Johor.

Zon 2

Aktif sepanjang tahun dari segi tuntutan elaun dan melaksanakan program seperti berikut :-

- Tukar Minyak Hitam Percuma
- BBQ Belia

Zon 3

Aktif sepanjang tahun dari segi tuntutan elaun dan melaksanakan program seperti berikut :-

- Program Himpunan Kelab Kelab Motosikal Anak Anak Muda
- Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah

Zon 4

Aktif sepanjang tahun dari segi tuntutan elaun dan melaksanakan program seperti berikut :-

- Pengurusan Kewangan Peribadi
- *Ride To Jannah*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

TAJUK : PERUNTUKAN NAIF TARAF MASJID DI SELANGOR

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan bagi tujuan menaik taraf dan baik pulih masjid-masjid di Negeri Selangor untuk tahun 2017.
- b) Sila menyatakan skop projek/ kerja yang boleh dipohon melalui peruntukan tersebut.
- c) Sila menyatakan senarai nama masjid, nama skop projek dan kos telah dibelanjakan bagi setiap masjid yang memohon dan mendapat kelulusan peruntukan.

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan baikpulihan Masjid pada tahun 2017 adalah sebanyak RM9,062,498.43.
- b) Skop projek / kerja :
 - i. kerja-kerja baikpulihan bumbung
 - ii. kerja-kerja baikpulihan elektrik
 - iii. kerja-kerja baikpulihan tandas
 - iv. kerja-kerja baikpulihan pagar
- c) Jawapan seperti dilampirkan.

LAMPIRAN

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
1.	KUALA SELANGOR	MASJID NURUL HASANAH,BKT BELIMBING	B/P SENGGARAAN ELEKTRIK	19,100.00
2.	HULU LANGAT	MASJID KAMPUNG RINCHING HILIR	B/P ALAT SIARAYA DAN PENYAMAN UDARA	19,950.00
3.	PETALING	MASJID AS-SALAM PUCHONG PERDANA	B/P SILING DAN LAPISAN KALIS AIR	19,800.00
4.	SABAK BERNAM	MASJID TAMAN PADU PERMAI	B/P PAPAN TANDA ARAH	6,950.00
5.	HULU LANGAT	MASJID AL-AZIM, AMPANG	B/P PAIP BOCOR	11,600.00
6.	PETALING	MASJID TENGGU AMPUAN JEMAAH BKT JELUTONG	B/P BUMBUNG BOCOR	19,429.80
7.	SABAK BERNAM	MASJID UBUDIAH, SIMPANG BNO	B/P PENDAWAIAN ELEKTRIK	19,504.00
8.	KLANG	MASJID JAMIUL HASANIAH KG BATU 3 - LANTIKAN TERUS	B/P TANDAS VIP, DATARAN KEJAT, PARKIR BERBUMBUNG DAN PAGAR	148,431.80
9.	PETALING	MASJID TENGGU AMPUAN JEMAAH BKT JELUTONG - LANTIKAN TERUS	B/P WATER PROOFING, KEBOCORAN, MENGECAT, SILING, GARIS TEMPAT LETAK KERETA, MEMBINA TANDAS DAN PARKIR BERBUMBUNG	158,183.80
10.	SABAK BERNAM	MASJID NURUL FALAH PARIT 12 SG BESAR - LANTIKAN TERUS	B/P RUANG LIMPAH,RUANG SOLAT,LALUAN PEJALAN KAKI,DATARAN KEJAT,TIANG BENDERA,TANDAS VVIP,PENDAWAIAN ELEKTRIK	296,800.00
11.	KUALA SELANGOR	MASJID AR-RAHMAN KG RAJA MUSA	B/P TANDAS, MENGECAT TANDAS, PINTU TANDAS, JUBIN, WATERPROFING	19,480.00
12.	PETALING	MASJID JAMEK RAJA TUN UDA SEKSYEN 16	B/P MARMAR DAN BUMBUNG	19,504.00
13.	PETALING	MASJID AS-SALAM PUCHONG PERDANA	B/P BUMBUNG, PLASTER SILING DAN PENDAWAIAN	19,900.00
14.	KUALA SELANGOR	MASJID AL-RAHMAN LAMA KG BKT BADONG	B/P MEMBINA LONGKANG DAN MENURAP JALAN	19,500.00

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
15.	HULU SELANGOR	MASJID AL-HIDAYAH, FELDA SUNGAI TENGI - SH	B/P TANDAS, MENJUBIN, BUMBUNG TEMPAT WUDHUK, BUMBUNG AWNING, BUMBUNG TAMBAHAN STOR, PEMBERSIHAN, SISTEM SIARAYA, TEMPAT WUDHUK, STOR	131,567.20
16.	SEPANG	MASJID AS-SYARIF DATO' AHMAD RAZALI, PEKAN DENGKIL - SH	B/P MENGECAT, JUBIN, SILING, TANDAS VVIP, ELEKTRIK DAN PREMIX	96,904.00
17.	HULU LANGAT	MASJID BANDAR RINCHING - SH	B/P MENGECAT BANGUNAN, MENGECAT SILING, MENGECAT TEMBOK, BUMBUNG, BATA, GUTTER, BANGUNAN STOR, TANDAS DIRAJA, TANDAS, ELEKTRIKAL	140,050.00
18.	HULU LANGAT	MASJID AL-UMM, BANDAR BARU BANGI - SH	B/P SENGGARAAN ELEKTRIK	125,670.00
19.	PETALING	MASJID ARA DAMANSARA - SH	B/P MENGECAT, TEMBOK PAGAR, ELEKTRIK, BUMBUNG, TANDAS, TANDAS VVIP, MENCUCI KARPET DAN KERJA PEMBERSIHAN	137,950.00
20.	KUALA LANGAT	MASJID AR-RAHMANIAH SG LANG BARU - SH	B/P SENGGARAAN ELEKTRIK	177,884.00
21.	PETALING	MASJID AL-HUSNA PUSAT BANDAR PUCHONG - SH	B/P MENGECAT, MENGECAT TEMBOK, MENGECAT KUBAH, SILING, TANDAS, TANDAS VVIP, MEHRAB, CUCI KARPET, TEMPAT WUDHUK, ELEKTRIK, PREMIX	201,800.00
22.	KUALA SELANGOR	MASJID JAMIUL KHAIR, KG HAJI RAZALI - SH	B/P MENGECAT, JUBIN, SILING, TANDAS VVIP, ELEKTRIK	139,978.00
23.	KLANG	MASJID AL-ISLAH, SEMENTA - SH	B/P AWNING, DEWAN SOLAT	129,320.00
24.	GOMBAK	MASJID AL-MARDHIYAH, ULU KLANG - SH	B/P MENGECAT, JUBIN, SILING, TANDAS VVIP, ELEKTRIK	52,255.88
25.	GOMBAK	MASJID AL-RIDHUAN, BATU 7 HULU KLANG - SH	B/P BUMBUNG TEMPAT WUDHUK, MENJUBIN KOLAH, MENGECAT KUBAH	48,548.00
26.	GOMBAK	MASJID LAMA BATU 6 - SH	B/P MENJUBIN TANDAS, TANDAS, KARPET	41,684.50
27.	GOMBAK	MASJID AS-SHARIF - SH	B/P MENGECAT, JUBIN, SILING, TANDAS VVIP, ELEKTRIK	48,378.00
28.	GOMBAK	MASJID AS-SYAKIRIN - SH	B/P PREMIX, MENGECAT	50,169.80

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
29.	HULU SELANGOR	MASJID HULU RENING - SH	B/P TEMPAR WUDHUK, MENJUBIN, LONGKANG, BUMBUNG AWNING, TANDAS, MENGECAT TANDAS, MENGECAT MASJID, ELEKTRIK	74,229.68
30.	HULU SELANGOR	MASJID AS-SAJIDIN, BTG KALI - SH	B/P MENGECAT, BUMBUNG, KUBAH, PAGAR	127,486.20
31.	SEPANG	MASJID SUNGAI MERAB - SH	B/P BUMBUNG, MEMBINA PEJALAN KAKI	128,752.50
32.	SEPANG	MASJID AL-IMAN, DESA PUTRA - SH	B/P BUMBUNG, MEMBINA PEJALAN KAKI,	173,628.00
33.	KUALA LANGAT	MASJID AL-EHSAN, KG SG LANG - SH	B/P SISTEM SIARAYA	60,420.00
34.	KLANG	MASJID AL-HIDAYAH, JOHAN SETIA - SH	B/P MENGECAT, JUBIN, SILING, TANDAS VVIP, ELEKTRIK	119,250.00
35.	KLANG	MASJID JAMEK SAMADIAH PELABUHAN KLANG - SH	B/P ELEKTRIKAL (PETI AGIHAN)	148,005.68
36.	SABAK BERNAM	MASJID IJTIMA'IE TEBUK PULAI - SH	B/P PENDAWAIAN MASJID, PENDAWAIAN ELEKTRIKAL, PEMBUMIAN, LONGKANG, TEMBOK NAMA MASJID	155,920.00
37.	PETALING	MASJID AL-MUTTAQIN - SH	B/P MENGECAT, SILING, BUMBUNG, SISTEM SERAYA, TANDAS, MEHRAB DAN PEMBERSIHAN	146,236.54
38.	KUALA SELANGOR	MASJID PARIT SERONG, TG KARANG - SH	B/P RUANG SOLAT WANITA, LANTAI RUANG SOLAT, SILING, PINTU, TINGKAP, MENGECAT, BUMBUNG, LONGKANG DAN ELEKTRIK	140,675.30
39.	SABAK BERNAM	MASJID MA'MUNIAH SIMPANG 5 - SH	B/P BUMBUNG, TALANG AIR HUJAN, MENGGANTI KARPET	149,997.40
40.	HULU LANGAT	MASJID AL-AZIM - SH	B/P BUMBUNG, MENGECAT BUMBUNG, MEMASANG JARING, MEMAGAR, PENDAWAIAN, MENURAP JALAN	138,584.40
41.	KUALA LANGAT	MASJID NURUL IMAN BATU 10 - SH	B/P BANGUNAN, ELEKTRIKAL	113,175.00
42.	KUALA LANGAT	MASJID AR-RAHMAN, SG MANGGIS - SH	B/P MENGECAT, JUBIN, SILING, TANDAS VVIP, ELEKTRIK	136,218.20

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
43.	KUALA SELANGOR	MASJID AT-TAUFIQIAH PARIT 4, TG KARANG - SH	B/P MENURAP DATARAN KEJAT	158,893.00
44.	GOMBAK	MASJID AL-KHAIRIAH - SH	B/P MENGECAT, JUBIN, SILING, TANDAS VVIP, ELEKTRIK	125,950.00
45.	GOMBAK	MASJID AS-SOBIRIN, TMN KERAMAT AU5C - SH	B/P SILING, DINDING BILIK KULIAH, BUMBUNG	45,256.00
46.	PETALING	MASJID JAMEK SULTAN ABDUL AZIZ JLN TEMPLER – SH	B/P PENGHAWA DINGIN	97,944.00
47.	SABAK BERNAM	MASJID JAMEK HISHAMUDDIN, PEKAN SABAK - LANTIKAN TERUS	B/P KARPET, MENGECAT, TANDAS VVIP, SALURAN AIR HUJAN, BESI, TANDAS DAN ELEKTRIK	199,983.00
48.	SEPANG	MASJID AL-MUSTAKIM KG DATO' ABU BAKAR BAGINDA	B/P TILE LANTAI DAN DINDING, PLASTER DINDING, PINTU, MENGECAT	19,900.00
49.	KLANG	MASJID JALAN KEBUN	B/P PENUTUP LONGKANG DAN JERJI TINGKAP	19,850.00
50.	KUALA LANGAT	MASJID SG RAMBAI	B/P MENGECAT BANGUNAN PENTADBIRAN	19,600.00
51.	SEPANG	MASJID PULAU MERANTI	B/P MENURAP DATARAN KEJAT	19,800.00
52.	PETALING	MASJID JAMEK RAJA TUN UDA SEKSYEN 16	B/P MENYAPU LAPISAN KALIS AIR DI BUMBUNG, PLASTER SILING DAN KONIS, PAIP DAN MENGECAT	18,900.00
53.	PETALING	MASJID ALAM IMPIAN SEKSYEN 35	B/P BUMBUNG, PINTU, TANGGA BESI DAN SALURAN PAIP KUMBAHAN	19,920.00
54.	KUALA SELANGOR	MASJID KG SUNGAI GULANG-GULANG	B/P MENGECAT DAN PINTU TANDAS	18,350.00
55.	KUALA SELANGOR	MASJID BARU AL RAHMAN KG BKT BADONG	B/P BUMBUNG BOCOR, MENGECAT SILING DAN TANDAS, MENUKAR PINTU DAN SINKI DAN PAIP	11,220.00
56.	SABAK BERNAM	MASJID AL MUJAHIDIN - LANTIKAN TERUS	B/P GUTTER, BUMBUNG DAN SLAP LANTAI	181,870.00
57.	GOMBAK	MASJID JAMEK KLANG GATES - LANTIKAN TERUS	MEMBINA MASJID SEMENTARA	408,720.00
58.	KLANG	MASJID RANTAU PANJANG	B/P SENGGARAAN ELEKTRIK	19,300.00
59.	PETALING	MASJID IBNU SINA SG BULOH	B/P MENJUBIN, TANDAS DAN MENGECAT SILING	19,879.45

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
60.	SABAK BERNAM	MASJID JAMEK SULTAN HISHAMUDDIN PEKAN SABAK	B/P ELEKTRIKAL, PENGHAWA DINGIN, KIPAS SILING	19,845.32
61.	KUALA SELANGOR	MASJID DARUS SOLIHIN BLOK D SAWAH SEMPADAN	B/P SILING DAN BUMBUNG	19,965.50
62.	KUALA SELANGOR	MASJID AR-RAHMAN BATU 12 SG BURONG	B/P SENGGARAAN ELEKTRIK	19,948.00
63.	KUALA SELANGOR	MASJID AL-HIDAYAH SUNGAI TERAP	B/P GUTTER, BUMBUNG DAN SLAP LANTAI	19,982.00
64.	PETALING	MASJID TEMASYA GLENMARIE	B/P MEMECAH DINDING, BEKAL DAN PASANG PLUG PERASMIAN, MENGECAT	19,900.00
65.	PETALING	MASJID HIDAYATUL MUTTAQIN	B/P SENGGARAAN ELEKTRIK	19,990.00
66.	HULU LANGAT	MASJID BANDAR RINCHING	B/P MENURAP JALAN, MEMBINA LALUAN KE TANDAS DAN WUDHUK WANITA, TANDASM BUMBUNG	19,700.00
67.	KUALA SELANGOR	MASJID AL-WABIM BESTARI JAYA	B/P GUTTER, BUMBUNG DAN SLAP LANTAI	19,800.00
68.	KUALA SELANGOR	MASJID SUNGAI BULOH, JERAM		19,910.00
69.	KUALA SELANGOR	MASJID AT TOHIROH KG BKT KERAYONG, JERAM	B/P DAPUR	19,710.00
70.	KUALA SELANGOR	MASJID NURUL HIDAYAH SIMPANG TIGA, JERAM	B/P GUTTER, BUMBUNG DAN SLAP LANTAI	19,630.00
71.	KUALA SELANGOR	MASJID AT-TAQWA DATO' MANAN	B/P MEMBINA STOR/RUANG LETAK VAN JENAZAH	19,930.00
72.	SEPANG	MASJID AR-RAUDHAH KG HULU TERIS	B/P SILING DAN BUMBUNG	19,900.00
73.	SABAK BERNAM	MASJID AL-EHSAN BATU 36 SEKENDI	B/P PETI AGIHAN, BEKALAN ELEKTRIK, PEMBERSIHAN	19,760.00
74.	SABAK BERNAM	MASJID IJTIMA'IE TEBUK PULAI	B/P PETI AGIHAN SISTEM PENYAMAN UDARA, PENDAWAIAN SISTEM PENGHAWA DINGIN, PEMBERSIHAN	19,557.00
75.	KUALA LANGAT	MASJID LAMA KG OLAK LEMPIT	B/P MENURAP JALAN	19,900.00

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
76.	PETALING	MASJID TENGGU AMPUAN JEMAAH, BKT JELUTONG - LANTIKAN TERUS	B/P KEBOCORAN PADA BILIK PEJABAT, KARPET, GRILL, BUMBUNG PARKIR, AWNING DAN CAT	49,998.00
77.	KUALA SELANGOR	MASJID AR RIDHUAN PEKAN JERAM	B/P MEMBINA TAPAK KONKRIT, MEMASANG TIANG BESI, RANGKA BUMBUNG, BUMBUNG, TALANG AIR, KABINET, TANDAS DAN LAMPU	19,625.00
78.	PETALING	MASJID AL-EHSAN SEKSYEN 24	B/P MEMBINA TEMPAT VAN JENAZAH, TEMPAT REHAT BERBUMBUNG, PARKING MOTOR, MELANTAI RUANG MASUK MASJID	19,460.00
79.	SABAK BERNAM	MASJID MA'ARUFIAH PARIT BARU	B/P SILING DAN BUMBUNG	19,830.50
80.	SABAK BERNAM	MASJID AN-NAIM BATU 37 DARAT	B/P MENGECAT	19,725.00
81.	KUALA SELANGOR	MASJID DARUL FALAH KG BKT HIJAU JERAM	B/P JUBIN, LANTAI TANDAS, MENGECAT DAN MEMASANG PINTU KABINET	19,730.00
82.	PETALING	MASJID NURUL AMIN MERBAU SEMPAK	B/P KARPET	19,880.00
83.	SEPANG	MASJID JENDERAM HULU	B/P MENGGANTI DAN MENAMPAL BUMBUNG, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PLASTER SILING, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PENDAWAIAN DAN MENGGANTIKAN LAMPU YANG ROSAK	19,990.80
84.	SEPANG	MASJID SUNGAI BUAH	B/P MENGANTI DAN MENAMPAL BUMBUNG YANG ROSAK, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PLASTER SILING, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SISTEM PENDAWAIAN DAN MENGANTIKAN LAMPU YANG ROSAK	19,990.80
85.	SEPANG	MASJID PULAU MERANTI	B/P MENURAP JALAN	19,800.10
86.	SABAK BERNAM	MASJID MARZUKIAH BATU 4 SEPINTAS	B/P MENJUBIN DAN PEMBERSIHAN	19,620.00
87.	KUALA LANGAT	MASJID AN-NUR KG KANCHONG TENGAH	B/P MENGANTI DAN MENAMPAL BUMBUNG, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PLASTER SILING, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH PENDAWAIAN DAN MENGANTIKAN LAMPU YANG ROSAK	19,898.00

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
88.	KUALA LANGAT	MASJID KAMPUNG TUMBOK	B/P ELEKTRIK DAN TANDAS	19,891.43
89.	KUALA LANGAT	MASJID DARUL TAHSIS PULAU CAREY	B/P JUBIN, SILING ASBESTOS, MENGECAT DAN PEMBERSIHAN	19,900.10
90.	SEPANG	MASJID KAMPUNG DATO AHMAD RAZALI, DENGKIL	B/P MEMASANG DAN TANGGAL KARPET	19,900.00
91.	KUALA SELANGOR	MASJID AT TAQWA KG SUNGAI YU	B/P MEMECAH DAN MEROBOH KOLAH, MEMBINA DINDING BATA, BINGKAI PINTU, TINGKAP KACA, TURAPAN JUBIN LANTAI, MENJUBIN DAN MENGECAT	19,872.00
92.	KUALA LANGAT	MASJID JENJAROM	B/P DB	19,900.40
93.	KUALA LANGAT	MASJID KAMPUNG LADANG BATU	B/P BUMBUNG, KERJA-KERJA BAIKPULIH PLASTER SILING, KERJA-KERJA BAIKPULIH PENDAWAIAN DAN MENGGANTI LAMPU	19,940.60
94.	KUALA LANGAT	MASJID JAMEK JAMA'IYAH MORIB	KERJE-KERJE PEMASANGAN JUBIN, KERJA-KERJA SILING, KERJA-KERJA MENGECAT WEATHERSHIELD	18,950.30
95.	HULU SELANGOR	MASJID AL-UBUDIAH KERLING	B/P MEMASANG DAN TANGGAL KARPET	19,880.90
96.	SABAK BERNAM	MASJID ASY-SYUKRIAH PARIT 8 GAMBUT SG PANJANG	B/P ELEKTRIK DAN TANDAS	19,840.00
97.	PETALING	MASJID AS-SOLIHIN PADANG JAWA	B/P AWNING DAPUR, JUBIN, PAGAR DAN PEMBERSIHAN	19,965.50
98.	HULU LANGAT	MASJID BATU 10, CHERAS - SH	B/P AWNING DAPUR, JUBIN, PAGAR DAN PEMBERSIHAN	118,598.10
99.	GOMBAK	MASJID JAMIATUS SOLAHIAH - SH	B/P BUMBUNG	37,439.20
100.	GOMBAK	MASJID AN-NUR KG WIRA DAMAI - SH	B/P BUMBUNG TANGGA, KERJA-KERJA BUMBUNG DAPUR, KERJA-KERJA BUMBUNG HADAPAN MASJID	37,449.80
101.	GOMBAK	MASJID JAMEK AL-AMANIAH - SH	B/P BUMBUNG	39,251.80
102.	GOMBAK	MASJID AL-IMAN KEMENSAH HEIGHT - SH	B/P AWNING DAPUR, JUBIN, PAGAR DAN PEMBERSIHAN	35,229.10

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
103.	GOMBAK	MASJID JAMEK KAMPUNG NAKHODA - SH	B/P ELEKTRIK DAN TANDAS	56,551.00
104.	GOMBAK	MASJID SELAYANG BARU - SH	B/P LONGKANG, PAGAR, RUANG WUDHUK WANITA	23,100.00
105.	GOMBAK	MASJID AR-RAHIMAH, TMN GREENWOOD - SH	B/P ELEKTRIK DAN TANDAS	40,454.90
106.	GOMBAK	MASJID SUNGAI CHINCHIN - SH	B/P MENJUBIN, KERJA-KERJA DINDING BATU, KERJA-KERJA LONGKANG, KERJA-KERJA BEBENDUL, KERJA-KERJA PREMIX, KERJA-KERJA TANDAS LELAKI DAN PEREMPUAN, KERJA-KERJA RAMP, KERJA-KERJA PAPAN TANDA	39,188.20
107.	HULU LANGAT	MASJID AL MUSTAQIM TMN NIRWANA AMPANG	B/P PAM KUMBAHAN, CCTV, PENDAWAIAN DAN PENGHAWA DINGIN	19,910.00
108.	GOMBAK	MASJID BANDAR TASIK PUTERI, RAWANG	B/P PEMBEKAL PINTU (SOLID DOOR), KERJA-KERJA MENGECAT BILIK KULIAH, KERJA-KERJA MEMASANG PELAPIK KARPET, KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU PENDAFLOUR	19,280.00
109.	GOMBAK	MASJID AL-HIDAYAH TAMAN MELAWATI - SH	B/P JUBIN	49,491.40
110.	GOMBAK	MASJID AL-KHAIRIYAH TMN SERI GOMBAK - SH	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG (POLYCARBONATE), KERJA-KERJA DINDING, KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DAPUR	46,746.00
111.	HULU SELANGOR	MASJID KG SOEHARTO - SH	B/P MENURAP DATARAN KEJAT	72,250.00
112.	HULU SELANGOR	MASJID FELDA SUNGAI TENGI SELATAN - SH	B/P KERJA-KERJA MEMBINA RUANG SOLAT, KERJA-KERJA TEMBOK BATA, KERJA-KERJA TANDAS, KERJA-KERJA ELETRIK	52,249.00
113.	SABAK BERNAM	MASJID AL-FITRAH KG BANTING - SH	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	120,917.27
114.	KUALA LANGAT	MASJID INAYATUR RAHMAN BATU LAUT - SH	B/P KERJA-KERJA TAPAK, KERJA-KERJA BANGUNAN, KERJA-KERJA MENUKAR BUMBUNG, KERJA-KERJA SUSUR GAJAH, KERJA-KERJA-KERJA CAT KUBAH	109,130.00
115.	PETALING	MASJID LAPANGAN TERBANG SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH SUBANG - SH	B/P KERJA-KERJA MENAIK TARAF PETI AGIHAN, KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA SILING DAN MENGECAT, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENGGANTIKAN DALAM TANDAS	108,194.20

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
116.	SEPANG	MASJID AL-MUSTAQIM, DATO' ABU BAKAR BAGINDA - SH	B/P KERJA-KERJA TEMBUK PAGAR, KERJA-KERJA LONGKANG, KERJA-KERJA JUBIN, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA MEKANIKAL	146,020.00
117.	KUALA SELANGOR	MASJID SUNGAI GULANG-GULANG - SH	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	103,078.00
118.	KUALA SELANGOR	MASJID AT-TAUFIQIAH - SH	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	76,197.89
119.	KLANG	MASJID AR-RAHMAN - SH	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	115,430.40
120.	PETALING	MASJID SG PELONG	B/P KERJA-KERJA MENANGGAL DAN MEMASANG BUMBUNG, KERJA-KERJA SILING, KERJA BAIKPULIH TANDAS	19,850.30
121.	SEPANG	MASJID AN-NUR KG ULU CHUCHOH	B/P TANDAS LELAKI DAN PEREMPUAN, STOR	19,600.75
122.	SEPANG	MASJID AL-ULUM KG HULU TERIS	B/P KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA SILING	19,700.25
123.	KLANG	MASJID AL-FALAH KG IDAMAN	B/P KERJA-KERJA MEMBINA WATER-PROOFING, KERJA-KERJA TANGKI AIR	19,950.00
124.	KLANG	MASJID RAUDIHATUL MUKMININ KG SG PINANG	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,945.00
125.	SABAK BERNAM	MASJID TEBUK SULTAN AIR TAWAR	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,839.20
126.	PETALING	MASJID AL-ISLAMIAH KG LINDUNGAN	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,525.45
127.	HULU SELANGOR	MASJID AL-TAUFIQIAH KG SOHERTO - LANTIKAN TERUS	B/P MENURAP DATARAN KEJAT	99,315.80
128.	PETALING	MASJID JAMEK RAJA TUN UDA SEKSYEN 16	B/P KERJA-KERJA LAPISAN KALIS AIR, SILING, PAIP DAN MENGECAT	19,604.00
129.	KUALA SELANGOR	MASJID AL FALAHIAH PARIT 4 BAN 2 TG KARANG - LANTIKAN TERUS	B/P PENDAWAIAN ELEKTRIK, SUB-DB, NAIKTARAF BEKALAN TNB, PENGUJIAN, PEMBUMIAN, SILING	90,497.92
130.	SABAK BERNAM	MASJID NURUL FALAH, TALI AIR 7 SEKINCHAN	B/P PENDAWAIAN ELEKTRIK	19,690.80

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
131.	HULU SELANGOR	MASJID JAMEK AR-RAHIMAH, KUALA KUBU BHARU	B/P ELETRIK, KERJA-KERJA TANDAS, KERJA-KERJA TANDAS, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA PINTU, KERJA-KERJA TINGKAP	19,720.00
132.	HULU SELANGOR	MASJID NIGEL GARDNER BESTARI JAYA	B/P KERJA-KERJA ELEKTRIK, KERJA-KERJA SISTEM AUDIO, KERJA-KERJA PINTU, KERJA-KERJA TANDAS, KERJA-KERJA PAGAR, KERJA-KERJA GUTHER	19,755.00
133.	HULU SELANGOR	MASJID AR-RAHMAH SG BUAYA	B/P KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SILING, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH BUMBUNG	19,986.00
134.	SABAK BERNAM	MASJID PARIT 12 SUNGAI PANJANG	B/P KERJA-KERJA ELEKTRIK, KERJA-KERJA MEMBINA TEMPAT WUDUK DAN LALUAN OKU, BAIKPULIH BUMBUNG BOCOR, KERJA-KERJA BAIK PULIH SILING, KERJA-KERJA BAIKPULIH TEMPAT WUDUK BERBUMBUNG	19,730.30
135.	HULU SELANGOR	MASJID NURUL IMAN SERENDAH	B/P BUMBUNG	19,990.00
136.	HULU SELANGOR	MASJID NURUL ISLAMIAH SG CHOH	B/P KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA MENGGANTIKAN PINTU TANDAS, KERJA-KERJA MEMBAIKI KEBOCORAN PADAN SAMBUNAGAN BUMBUNG, BAIKPULIH SISTEM PERPAIPAN	19,990.00
137.	KLANG	MASJID KG TOK MUDA	B/P BUMBUNG	19,900.50
138.	SEPANG	MASJID PEKAN SG PELEK	B/P KERJA-KERJA BAIKPULIH TEMPAT MELETAK KENDERAAN, KERJA-KERJA MEMBINA TEMPAT MELETAK KENDERAAN	19,640.10
139.	GOMBAK	MASJID KG GOMBAK BATU 19 KUANG	B/P KERJA-KERJA MENANGGAL DAN MEMASANG BUMBUNG, KERJA-KERJA SILING, KERJA BAIKPULIH TANDAS	19,822.00
140.	PETALING	MASJID AL-HUSNA PUCHONG	B/P BUMBUNG	19,580.00
141.	SABAK BERNAM	MASJID AL-MUKMIN TALI AIR 12 BAN 2 SEKINCHAN	B/P KERJA-KERJA PINTU DAN TINGKAP, MENYELENGGARA ELETRIK	19,748.20
142.	PETALING	MASJID AN-NUR	B/P KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS	19,992.50
143.	KLANG	MASJID BADARIAH BATU 12 JLN KAPAR	B/P MENURAP JALAN	19,720.00

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
144.	HULU SELANGOR	MASJID AS-SYUKRIAH KG GESIR TENGAH	B/P KERJA-KERJA JUBIN, KERJA-KERJA KONKRIT	19,995.00
145.	HULU SELANGOR	MASJID AL-MAKMUR FELDA GEDANGSA	B/P KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS, KERJA-KERJA PEMASANGAN CHAINLINK	19,995.00
146.	SABAK BERNAM	MASJID TANJUNG JAWA	B/P KERJA-KERJA MENANGGAL DAN MEMASANG BUMBUNG, KERJA-KERJA SILING, KERJA BAIKPULIH TANDAS	19,674.80
147.	SABAK BERNAM	MASJID JAMIATUL ISLAHIAH TELUK RHU	B/P BAIKPULIH LALUAN PEJALAN KAKI, KERJA-KERJA MENYELENGGARA SISTEM PENGHAWA DINGIN, KERJA-KERJA ELEKTRIK	19,590.30
148.	SABAK BERNAM	MASJID AR-RAHMAN SG APONG	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA LONGKANG, KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN ELEKTRIK	19,710.60
149.	SABAK BERNAM	MASJID AL-EHSAN SEKENDI	B/P KERJA-KERJA JUBIN, KERJA-KERJA MENURAP SIMEN, KERJA-KERJA PAIP, KERJA-KERJA SELENGGARA ELEKTRIK	19,550.50
150.	SABAK BERNAM	MASJID AN-NAIM TEBUK BERIHUN	B/P KERJA-KERJA JUBIN, KERJA-KERJA PAIP, KERJA-KERJA PEMASANGAN INJAP BEBOLA, KERJA PEMASANGAN KIPAS DAN PENGHAWA DINGIN YANG BARU,	19,562.30
151.	KUALA SELANGOR	MASJID MUHAMADIAH KG KUANTAN	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,750.00
152.	KUALA SELANGOR	MASJID UBUDIYAH KG RANTAU PANJANG	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,500.00
153.	PETALING	MASJID KG MELAYU SUBANG	B/P KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS, KERJA PEMBERSIHAN TANDAS	19,834.55
154.	KUALA LANGAT	MASJID KG KELANANG	B/P KERJA BAIKPULIH LAMPU, KIPAS DAN TANDAS, KERJA-KERJA MENCUCI TANDAS	19,700.30
155.	KUALA LANGAT	MASJID AL-ISLAH KG SAWAH	B/P KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA MENCUCI PERMAIDANI, KERJA MEMBAIKPULIH TANDAS	19,740.70
156.	KUALA LANGAT	MASJID KG LABOHAN DAGANG	B/P KERJA BAIKPULIH PENDAWAIAN ELEKTRIK, KERJA-KERJA PEMASANGAN KIPAS SILING DAN LAMPU PANDAFLOUR, KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KARPET, KERJA BAIKPULIH TANDAS	19,900.80
157.	SEPANG	MASJID KG GINCHING	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,770.20

BIL	DAERAH	MASJID	SKOP PROJEK	KOS
158.	SEPANG	MASJID LABU LANJUT	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA PEMBERSIHAN PERMIDANI, KERJA-KERJA BAIKPULIH TANDAS	19,600.00
159.	SEPANG	MASJID PEKAN SEPANG	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA PEMBERSIHAN PEMBERSIHAN PERMAIDANI, KERJA MEMBAIKPULIH TANDAS	19,700.60
160.	SEPANG	MASJID LIMAU MANIS	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENCUCI PERMAIDANI, KERJA MEMBAIKPULIH BINGKAI PINTU	19,556.00
161.	GOMBAK	MASJID KG BATU 16	B/P KERJA-KERJA SILING, KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH TANDAS, KERJA-KERJA SILING, KERJA-KERJA MENCUCI KARPET	19,900.60
162.	SEPANG	MASJID KG PENDAMAR	B/P PAGAR JENIS BRC ANTI CLIMB	19,765.00
163.	SEPANG	MASJID KG DESA PUTRA	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,750.30
164.	PETALING	MASJID SEKSYEN 51-A	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,800.00
165.	KLANG	MASJID AL-UBUDIAH TELOK GONG	B/P KERJA-KERJA DINDING BATU, KERJA-KERJA PINTU, KERJA-KERJA RAILING BESI, KERJA-KERJA JUBIN, KERJA-KERJA UBAHSUAI LONGKANG, KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA SALUR AIR, KERJA BAIKPULIH TANGKI AIR, KERJA-KERJA MENGECAT	19,400.00
166.	KUALA SELANGOR	MASJID JAMEK SUNGAI GULANG-GULANG	B/P KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA MENGECAT, KERJA-KERJA SILING	19,850.00
167.	KLANG	MASJID SULTAN ABDUL AZIZ PULAU INDAH	B/P KERJA-KERJA SILING, KERJA-KERJA BUMBUNG, KERJA-KERJA CAT, KERJA-KERJA PENDAWAIAN	19,890.20

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PEMBINAAN PROJEK LOJI RAWATAN AIR LANGAT 2 DI
SELANGOR**

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan dan status pembinaan terkini untuk membina Projek Loji Rawatan Air Langat 2 di Negeri Selangor?
- b) Sila menyatakan lokasi pembinaan dan maklumat terperinci pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 di daerah Hulu Selangor.

JAWAPAN:

- a) Kerja-Kerja Membina dan Menyiapkan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) adalah dilaksanakan oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) melalui Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Melalui maklumat yang diperolehi, kerja-kerja sebenar di tapak telah mencapai 64.47% berbanding jadual sebanyak 71.40%. Tarikh jangkaan siap keseluruhan projek dijadualkan pada akhir tahun 2020.
- b) Lokasi pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 adalah terletak di Hulu Langat dan tidak melibatkan Daerah Hulu Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG
(N52 TELOK DATOK)**

**TAJUK : PERUNTUKAN TURAP JALAN DI DAERAH KUALA LANGAT DI
BAWAH SELENGGARAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
(MDKL)**

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan pada Tahun 2016 dan 2017 oleh Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) untuk menurap jalan-jalan dibawah penyelenggaraannya.
- b) Sila memberikan pecahan nama skop projek terperinci mengikut susunan kawasan Dewan Undangan Negeri : Telok Datok, Morib, Tanjong Sepat dan Sijangkang pada tahun 2016 dan 2017.

JAWAPAN:

a) dan b)

Seperti di lampiran.

SENARAI PROJEK-PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN TAHUN 2016

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT														
BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
DUN SIJANGKANG														
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN JP 1/1, JP 1/12, JP 1/13, JP 1/15 DAN JP 1/17, TAMAN JENJAROM PERMAI, JENJAROM, KUALA LANGAT.	117,930.00	86,676.20	31,253.80	SIJANGKANG	MUTIARA BATU LAUT ENTERPRISE	04.04.16	18.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:03/16
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SJ 1, 1A, 2, 3, 4, 5, 6, 7, LORONG TEPI DAN LORONG TENGAH, TAMAN SIJANGKANG JAYA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	318,405.00	233,374.90	85,030.10	SIJANGKANG	SUMURA ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:06/16
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BENDAHARA 3, JALAN TEMENGGONG, TEMENGGONG 1, 3, 5, LORONG TEPI DAN LORONG BELAKANG, TAMAN DESAWIRA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	290,170.00	212,717.62	77,452.38	SIJANGKANG	PERTUBUHAN PELADANG KAW. KUALA LANGAT.	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:07/16
4	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN UTAMA 2, 7, 15, 17, 29, 31, 42, 50, 54, 58, LORONG TEPI DAN LORONG TENGAH, TAMAN JAYA UTAMA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	754,865.00	557,560.00	197,305.00	SIJANGKANG	FANILI TRADING	04.04.16	02.05.16					1	MDKL/JPPI/T:01/16
5	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN WAJA 14, 15 & 16, KAWASAN PERUSAHAAN TELOK PANGLIMA GARANG, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	876,505.00	629,926.20	246,578.80	SIJANGKANG	ADI ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPPI/T:03/16
6	KERJA-KERJA MENYENGGARA SEBAHAGIAN JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PERAK DAN GANGSA, KAWASAN PERUSAHAAN TELOK PANGLIMA GARANG, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	214,220.00	159,249.00	54,971.00	SIJANGKANG	STRATEGIC SUCCES CONST. & SUPPLY	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:35/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
7	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PIPIT 6/49, JALAN PUNAI 9/5, JALAN MERAK 2/11, TAMAN BENTARA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	222,790.00	169,539.58	53,250.42	SIJANGKANG	PEMBINAAN AL-BARR FITRAH	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:36/16
8	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SATRIA 1, TAMAN SATRIA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	67,525.00	50,548.22	16,976.78	SIJANGKANG	HA MEDAN JAYA ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:37/16
9	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN KELEWANG, TAMAN PANGLIMA SERTA JALAN DENDANG 19, TAMAN TELOK, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT	122,220.00	85,162.00	37,058.00	SIJANGKANG	WANGDA ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/SH:56/16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		2,984,630.00	2,184,753.72	799,876.28					0	0	0	0	9	
DUN TELOK DATOK														
1	CADANGAN MENYELENGGARA LONGKANG DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN MELOR, JALAN TERATAI & JALAN CEMPAKA, TAMAN SERI TELOK DATOK, BANTING, KUALA LANGAT	305,816.00	266,905.24	38,910.76	TELUK DATOK	SRI PERMATA SERVICES	04.04.16	30.05.16					1	MDKL/JPP/SH:13/16
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN ANGKASA, JALAN ANGKASA 1D/1, 1D/2, 1D/4, 1D/6, 1D/7, 1D/8, 1D/9, 1D/10, 1D/12 DAN LORONG TEPI JALAN ANGKASA 1D/7, BANDAR MAHKOTA, BANTING KUALA LANGAT.	353,887.00	245,040.30	108,846.70	TELUK DATOK	MADI TEKUN ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPP/SH:08/16
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 2/1, SP 2/2, SP 2/3, SP 2/4, SP 2/5, SP 2/6, SP2/7, SP 2/8 SP 2/9 DAN LORONG TEPI SP2/9, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM KUALA LANGAT	463,292.00	332,996.35	130,295.65	TELUK DATOK	GENIUS PLUS ENTERPRISE	04.04.16	18.04.16					1	MDKL/JPP/SH:09/16
4	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 3/1, SP 3/2, SP 3/3, SP 3/4, SP 3/5, SP 3/8, SP 3/9, SP 3/10, SP 3/11, SP 3/12, SP 3/13, SP 3/14 DAN LORONG TENGAH, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM KUALA LANGAT.	464,281.00	338,261.37	126,019.63	TELUK DATOK	INDASAH ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPP/SH:10/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
5	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 7/15, SP 7/16, SP 7/17 DAN SEBAHAGIAN JALAN SP 7/10, SP 7/11, SP 7/12, SP 7/13 DAN SP 7/14, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM, KUALA LANGAT.	417,839.00	312,430.98	105,408.02	TELUK DATOK	MISNAN ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:39/16
6	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SP 9/3, SP 9/14, SP 9/34 DAN SP 9/35, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM, KUALA LANGAT.	457,120.50	342,175.42	114,945.08	TELUK DATOK	MUSTIKA INDAH ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:40/16
7	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN SENTOSA, SG. MANGGIS, BANTING, KUALA LANGAT	154,064.00	113,422.12	40,641.88	TELUK DATOK	ZAIDON BIN MOHD MAHAYEDIN	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:57/16
8	KERJA-KERJA MENYELENGGARA PERABOT JALAN DI JALAN SPU1 & SPU2, BANDAR SAUJANA PUTRA, JENJAROM, KUALA LANGAT.	69,740.00	54,195.68	15,544.32	TELUK DATOK	SRI HBA ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:70/16
9	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN EMAS 12,13,14, SEBAHAGIAN JALAN EMAS 10 DAN LORONG TEPI, BANTING, KUALA LANGAT.	344,615.00	251,011.18	93,603.82	TELUK DATOK	K DARAT RESOURCES	18.04.16	09.05.16					1	MDKL/JPPI/SH:05/16
10	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI LORONG BELAKANG DAN TEPI JALAN TERATAI, TAMAN SERI TELOK DATOK, BANTING, KUALA LANGAT.	28,655.00	21,539.20	7,115.80	TELUK DATOK	YUS ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:01/16
11	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN GARISAN JALAN DI JALAN SEKOLAH, KG. BARU SUNGAI JAROM, JENJAROM, KUALA LANGAT.	19,950.00	19,950.00	0.00	TELUK DATOK	AAF MAJU ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPPI/PENY:72/16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		3,079,259.50	2,297,927.84	781,331.66					0	0	0	0	11	

DUN MORIB

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN PERSIARAN BANTING UTAMA, JALAN CENGAL, JALAN MERBAU & JALAN JATI, TAMAN BANTING BARU, BANTING, KUALA LANGAT.	579,680.00	467,528.90	112,151.10	MORIB	AFTACOP SDN BHD	04.04.16	02.05.16					1	MDKL/JPPI/T:02/16
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BB 6/2, 6/4, 6/6, 6/8, 6/10, 6/12, 6/14, 6/16, LORONG TEPI & LORONG TENGAH, TAMAN BANTING BARU, BANTING, KUALA LANGAT.	314,206.00	229,076.60	85,129.40	MORIB	SERI BUDIMAN ENTERPRISE	04.04.16	02.05.16					1	MDKL/JPPI/SH:11/16
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN TOMAN 6, 9, 10, 11, 12, 15 & 16, TAMAN SERI PUTRA, BANTING, KUALA LANGAT.	233,115.00	166,759.20	66,355.80	MORIB	EWANA BINA RESOURCES	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:12/16
4	KERJA-KERJA MENYENGGARA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JALAN GANGSA, KAWASAN PERINDUSTRIAN BANTING, BANTING, KUALA LANGAT.	81,814.00	62,265.46	19,548.54	MORIB	PERMATA SMY ENTERPRISE	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:41/16
5	CADANGAN MENURAP SEMULA SEBAHAGIAN JALAN DI JALAN JENTAYU, MENGECAT SEMULA GARISAN JALAN DI LORONG JENTAYU 1, LORONG JENTAYU 2 DAN LORONG JENTAYU 3 DAN KERJA-KERJA BERKAITAN TAMAN BANTING JAYA, BANTING KUALA LANGAT	76,550.00	57,404.30	19,145.70	MORIB	TH BINA JAYA ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:02/16
6	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI SEBAHAGIAN JLN BUNGA PEKAN 5, JALAN CEMPAKA, LORONG TEPI JLN BUNGA PEKAN, JLN BUNGA PEKAN 2 DAN LRG BELAKANG JLN BUNGA PEKAN 2, BANDAR BANTING, BANTING, KUALA LANGAT	224,500.00	167,712.14	56,787.86	MORIB	KONTRAKTOR RAMSAH	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPPI/SH:58/16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		1,509,865.00	1,150,746.60	359,118.40					0	0	0	0	6	
DUN TG.SEPAT														
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BAWAL, BAWAL 1, 2, 11, 12, 14 & 15 TAMAN MUTIARA TANJUNG SEPAT.	178,540.00	131,529.04	47,010.96	TG. SEPAT	PUNCAK TENGGARA ENTERPRISE	04.04.16	25.04.16					1	MDKL/JPPI/SH:04/16

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT														
BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN MAWAR JINGGA 1/1, TAMAN MAWAR, BANTING, KUALA LANGAT	53,698.00	40,417.80	13,280.20	TG. SEPAT	ALIFF UJUD ENTERPRISE	03.10.16	31.10.16					1	MDKL/JPP/SH:59/16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		232,238.00	171,946.84	60,291.16					0	0	0	0	2	
DUN DENGKIL														
1	KERJA-KERJA MENYENGGARA SEBAHAGIAN JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN 2, KOMPLEKS PERABOT OLAK LEMPIT, BANTING, KUALA LANGAT	246,891.00	191,492.71	55,398.29	DENGKIL	KONTRAKTOR FAUZI	03.10.16	24.10.16					1	MDKL/JPP/SH:42/16
JUMLAH TERKUMPUL DUN		246,891.00	191,492.71	55,398.29					0	0	0	0	1	
JUMLAH KESELURUHAN		8,052,883.50	5,996,867.71	2,056,015.79					-	-	-	-	29	

***NOTA :**

BM - Belum Mula; DJ - Dahulu Jadual ; IJ - Ikut Jadual; LJ - Lewat Jadual; ; dan SS - Siap Sebenar

Catatan : Sila nyatakan sebab sekiranya projek Lewat Jadual (LJ) dan tarikh lanjutan masa (sekiranya ada).

SENARAI PROJEK-PROJEK PENYELENGGARAAN JALAN TAHUN 2017

PIHAK BERKUASA TEMPATAN : MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT														
BIL	NAMA PROJEK	ANGGARAN KOS (RM)	KOS PROJEK (RM)	PENJIMATAN (RM)	DUN	KONTRAKTOR	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	STATUS PELAKSANAAN Sila Tandakan (1)					CATATAN
									BM	DJ	IJ	LJ	SS	
DUN SIJANGKANG														
1	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN WIRA 1, 2, 3, 4, 5, 7, 9, 11, 20, 22, 23, 24, 25, 26, 27, 29, 31, LORONG TEPI DAN LORONG TENGAH, TAMAN PERWIRA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	932,230.00	839,467.00	92,763.00	SIJANGKANG	ANAK KAMPUNG RESOURCES	05.06.17	03.07.17					1	MDKL/JK/T:02/17
2	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BALAM 5/1, 5/3, 5/5, 5/6, 5/8, 5/10 DAN LORONG TEPI, TAMAN BENTARA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	258,890.40	233,259.36	25,631.04	SIJANGKANG	INTRAMENANG SDN BHD	14.08.17	11.09.17					1	MDKL/JK/SH:35/17
3	CADANGAN MENURAP SEMULA JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN BANGAU 3/1, 3/2, 4/1, 4/2, 4/3, 4/5, 4/7, LORONG TENGAH DAN LORONG TEPI, TAMAN BENTARA, TELOK PANGLIMA GARANG, KUALA LANGAT.	321,940.00	290,067.94	31,872.06	SIJANGKANG	IZAH REZQI ENTERPRISE	14.08.17	11.09.17					1	MDKL/JK/SH:36/17
